

ABSTRAK

Malaysia bakal menuju negara tua pada tahun 2023. Meskipun persediaan dari sudut kewangan, perkhidmatan, kesihatan dan sebagainya sedang dipergiat, namun dari sudut pendidikan terutamanya kerohanian masih belum diperkembangkan. Walaupun terdapat kelas al-Quran dijalankan, namun sambutan dalam kalangan warga emas kurang mengalakkan. Ini kerana pendekatan dan kaedah yang digunakan tidak sesuai dengan tahap keupayaan warga emas. Fitrahnya, warga emas berhadapan dengan kemerosotan dari sudut fizikal, kognitif dan psikologi yang menyebabkan sesi pembelajaran menjadi lebih mencabar. Oleh itu, perlunya satu model pengajaran al-Quran khusus buat warga emas dibina supaya pengajaran al-Quran dapat disampaikan sesuai dengan tahap kemampuan mereka. Maka, warga emas dapat belajar dengan seronok dan menjadikan al-Quran sebagai pembelajaran sepanjang hayat. Bagi tujuan itu, kajian ini menggunakan DDR (*Design and Development Research*) sebagai pendekatan kajian. Terdapat tiga fasa yang telah dilalui iaitu fasa pertama fasa analisis keperluan, fasa kedua fasa reka bentuk dan pembinaan model dan fasa terakhir adalah fasa penilaian pakar. Bagi fasa pertama, kaedah bagi mendapatkan data adalah dengan menggunakan temu bual seramai sembilan orang pakar. Hasil kajian fasa pertama menunjukkan bahawa masalah pembelajaran warga emas terbahagi kepada lima iaitu (i) masalah kurang kesedaran kepada ilmu (ii) masalah kemerosotan fizikal (iii) masalah kognitif (iv) masalah psikologi (v) masalah kurang kemudahan pembelajaran. Masalah-masalah ini membawa kepada kesepakatan pakar bahawa keperluan kepada pembinaan Model Pengajaran Al-Quran khusus buat warga emas. Fasa kedua iaitu fasa reka bentuk dan pembangunan pula menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi*. Fasa ini melibatkan 15 orang pakar dalam bidang kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa pakar bersetuju model pengajaran al-Quran warga emas perlu meliputi empat elemen iaitu; i) proses pengajaran al-Quran; ii) kriteria guru; iii) silibus dan iv) kemudahan pembelajaran. Malah pakar turut bersetuju lapan konstruk dan 88 item yang terdapat dalam model tersebut. Bahkan setiap item tersebut sudah di susun mengikut keutamaan. Fasa ketiga adalah fasa penilaian. Kaedah NGT telah diaplikasikan di mana seramai enam orang pakar memberi penilaian terhadap prototaip model yang telah di bangukan. Hasil kajian memperlihatkan bahawa kesemua elemen, konstruk dan 92 item adalah berada pada tahap sesuai dan boleh digunakan di mana nilai penilaian skor melebihi 70%. Pembangunan model ini penting bagi menjadi panduan buat guru al-Quran warga emas yang mengajar di rumah warga emas seri kenangan, di masjid mahu pun di kelas pengajian swasta. Seterusnya memberi implikasi kepada kualiti kehidupan warga emas pada masa akan datang.